

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 JANUARY 2017

Haji 1MDB tidak mabrur – Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 30 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayas

Alor Setar, Kedah, baru-baru ini. Katanya, haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut kononnya haram kerana

ka tidak mendapat haji mabrur tetapi Najib sanggup melaku apa sahaja," katanya.

Dalam masa sama, beliau n burukl ana Menteri konc

**KERATAN Utusan
Malaysia
31 Disember 2016.**

'Semata-mata kepentingan politik'

Um - 9/1/2017

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad tergamak mem-permainkan dan mengeji jemaah haji yang menyertai Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) semata-mata disebabkan oleh kepentingan politik.



ISHAM JALIL

Jalil berkata, bekas Perdana Menteri itu sepatutnya mema-hami bahawa ibadah haji merupakan amalan yang suci.

Menurut beliau, setiap umat Islam yang mengerjakan ibadah tersebut adalah terpanggil dan diizinkan Allah SWT untuk melawat ru-

mah-Nya.

"Allah SWT yang menentu-kan rezeki serta sesiapa yang terpanggil ke rumah-Nya dan

sesiapa yang mendapat haji ma-brur atau tidak, bukan manusia dan jauh sekali Dr. Mahathir.

"Sikap keras kepala dan mengeji ibadah kerana gimik politik sebegini adalah ditegah dalam Islam," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menegaskan, beliau enggan memohon maaf berhubung kenyataannya yang menyifat-kan ibadah haji melalui pro-gram tersebut tidak mendapat haji yang mabrur.